



# Idrus Peguam Negara baharu

Agong berkenan  
lantikan selama  
dua tahun  
berkuat kuasa  
semalam

Oleh Ilah Hafiz Aziz,  
Faris Fuad dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Idrus Harun, dilantik sebagai Peguam Negara yang baharu, berkuat kuasa semalam.

Perlantikan Idrus sebagai Peguam Negara, untuk tempoh selama dua tahun diperkenalkan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, selaras Fasal (1) Perkara 145 Perlemba-

gaan Persekutuan.

Pejabat Perdana Menteri (PMO) dalam kenyataannya, turut memaklumkan Yang di-Pertuan Agong memperkenankan permohonan Tan Sri Tommy Thomas memendekkan perkhidmatan beliau sebagai Peguam Negara berkuat kuasa 28 Februari lalu.

“Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan Fasal (5) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memperkenankan permohonan Tommy.

“Kerajaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tommy atas perkhidmatan beliau kepada negara selama memegang jawatan Peguam Negara,” kata PMO dalam kenyataannya semalam.

Idrus, 65, yang juga abang kepada Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Azhar Azizhan Harun, adalah anak kelahiran Sanglang, Kedah dan mula men-

dapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Ayer Hitam dan Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH).

Beliau melanjutkan pelajaran dalam jurusan Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) Universiti Malaya (UM), sebelum memulakan kerjaya sebagai pegawai undang-undang pada 1980.

Sepanjang karier beliau, Idrus pernah menjadi Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Hakim Mahkamah Sesyen di Kota Kinabalu, Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Terengganu, Peguam Kanan Persekutuan di Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Penasihat Undang-Undang SPR.

Pada 2014 hingga 2018, beliau dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan, sebelum dilantik sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan pada 28 November 2018.